

16/07/1999

Drama bersiri perjuangan Dr M

Akmal Abdullah

DRAMA sejarah patriotik, Jendela Negarawan diterbitkan sebagai usaha menghasilkan drama berunsur perjuangan tokoh negara secara jujur berdasarkan kisah sebenar.

Drama 14 episod itu mengisahkan perjuangan politik dan kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dianggap perlu diterbitkan untuk penghayatan generasi muda mengenali sekelumit sejarah bangsa.

Agak menarik, watak drama itu bakal menggunakan nama sebenar mereka yang terbabit pada latar zaman seperti Dr Mahathir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Tunku Abdul Rahman Putra, Ahmad Boestamam, Datuk Onn Jaafar dan Dr Burhanuddin Al-Helmy.

Antara mereka yang membawa peranan itu pula ialah Sidi Oza (Dr Mahathir), Erma Fatima (Dr Siti Hasmah), Sheila Mambo (ibu Dr Mahathir), Ali Osman (bapa Dr Mahathir), Hani Mohsein (Onn) dan Yahaya Abdul Hamid (Burhanuddin).

Jendela Negarawan menggunakan lebih 1,600 pelakon tambahan, selain 96 pelakon berdialog termasuk lapan pelakon utama.

Pengarah dan penulis skrip drama itu, Dr Anuar Nor Arai, berkata naskhah itu cuba melihat data sejarah dalam bentuk drama yang mengisahkan perjuangan Dr Mahathir dalam lingkungan perjuangan politik Melayu dari 1935 hingga 1994.

Menurutnya, ia bukan drama biografi tetapi mengungkap data sejarah perjuangan negarawan bernama Mahathir bermula dari zaman kanak-kanaknya hingga beliau menjadi Perdana Menteri.

"Kita akan memulakan penggambaran drama bersiri ini dalam tempoh terdekat jika segalanya berjalan lancar. Dari segi konsepnya, RTM sudah meluluskan skrip ini dan kita masih menunggu persetujuan Jabatan Perdana Menteri.

"Drama ini bukan dibuat kerana menjelang pilihan raya tetapi mahu mengangkat perjuangan seorang negarawan. Skrip ini saya siapkan dalam masa satu setengah bulan pada awal tahun ini.

"Kajian dibuat menerusi buku dan saya sendiri pergi Kedah untuk mencari maklumat lebih lengkap dan jelas," katanya.

Menurut Dr Anuar, tiga aspek penting yang diangkat menerusi Jendela Negarawan ialah ketika Dr Mahathir berada di Singapura iaitu zaman Pergerakan Kebangsaan Melayu Malaya, kemiskinan orang Melayu di Singapura dan sumbangannya menerusi penulisan di Sunday Times.

Katanya, penerbitan drama itu sesuai dengan hasrat RTM mengisi slot drama berunsur patriotik untuk menyampaikan amanat mengenai perjuangan parti politik, sesuai untuk tokoh sezaman Dr Mahathir dan khusus untuk Dr Mahathir sendiri.

Lokasi penggambaran Jendela Negarawan ialah di Alor Star, Baling, Sungai Petani, Kuala Kedah dan Ipoh.

"Perkataan jendela dipilih sebagai judul kerana ia adalah simbolik wawasan. Seperti kita berada di jendela, selalunya kita berfikir sesuatu.

"Sebab itu, babak drama ini banyak menggunakan jendela serta dialog yang panjang daripada isteri watak masing-masing," katanya.

Ditanya ciri utama menyebabkan Sidi dan Erma dipilih untuk watak Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah, Dr Anuar berkata, dua pelakon itu dianggap paling sesuai membawa watak sedemikian.

"Sidi memiliki wajah seorang yang sedang berfikir. Matanya `cerdik' dan

posisi tubuhnya ada gaya intelektual. Ada pihak yang cadangkan Man Bai tetapi saya tidak setuju.

"Saya yakin dengan Erma untuk watak Dr Siti Hasmah kerana dia ada kekuatan tersendiri. Saya tidak nampak pelakon lain yang sesuai untuk watak ini," katanya.

Jendela Negarawan diterbitkan First Film & Video Productions dan penerbitnya ialah Datuk Mardan Raduan.

Antara buku rujukan untuk skrip drama itu ialah Mahathir Of Malaysia, Looking Back, Ahmad Boestamam: Satu Biografi Politik, Burhanuddin Al-Helmy: Suatu Kemelut Politik, Datuk Onn Jaafar: Pengasas Kemerdekaan, Kemelut Politik Semenanjung dan The Origins Of Malay Nationalism.

(END)